

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**  
**[ PARIT ]**  
**TARIKH : 17 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan bertindak terhadap pengusaha makanan yang menggunakan dadah sebagai salah satu ramuan dalam makanan yang dijual kepada orang ramai.

**Tuan Yang di-Pertua,**

*Poppy Seeds (Papaver somniferum)* atau kaskas terkenal sebagai ramuan dalam makanan dan secara amnya pengguna di Malaysia mengambil serbuk kaskas melalui pengambilan nasi kandar dan kari. Terkini, di Malaysia, kaskas juga digunakan dalam penyediaan kek.

Maklumat saintifik menunjukkan kas-kas mengandungi dadah jenis morfin secara semulajadi, tetapi tidak akan mendatangkan kesan khayal atau ketagihan kepada pengguna melalui pengambilan makanan kerana kandungan morfinnya adalah rendah.

Sehingga kini, hasil kajian yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa menunjukkan tiada sebarang bukti saintifik yang menunjukkan morfin dalam kaskas yang ditambah dalam makanan boleh mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan manusia. *US Food and Drug Administration* juga telah mengklasifikasikan kaskas sebagai bahan *Generally Recognised As Safe (GRAS)*.

Hasil pemantauan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan kandungan morfin dalam serbuk/biji kaskas adalah di antara 0.60 hingga 13.57 mg/kg. Penilaian risiko yang dijalankan berdasarkan kandungan morfin dalam kas-kas serta jumlah kas-kas yang ditambah dalam makanan, menunjukkan pendedahan pengguna kepada morfin melalui pengambilan makanan adalah rendah dan tidak mendatangkan risiko kepada kesihatan manusia.

Namun begitu, pengambilan makanan yang mengandungi kaskas boleh menyebabkan ujian saringan urin menjadi positif dadah morfin. Ini kerana kandungan morfin tersebut boleh dikesan dalam urin dalam masa kurang daripada 24 jam selepas memakan makanan yang mengandungi kaskas. Ujian lanjut di makmal dengan kemudahan serta kepakaran analisis dapat membezakan antara morfin melalui pengambilan makanan atau penyalahgunaan dadah morfin. Dalam hal ini, penjagaan diet para atlet amat penting bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.